

# Faktor-faktor Kejayaan Qari Negeri Terengganu dalam Kesenian Lagu Al-Quran

Najmiah binti Omar<sup>1\*</sup>, Fatimah Zaharah binti Ismail<sup>1</sup>, Tasnim binti Abdul Rahman<sup>1</sup>, Nik NorAzeah binti Nik Azman<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Pusat Pengajian Al-Quran dan Al-Sunnah, Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu, Malaysia.

## Progres Artikel

Diterima: 31 September 2016

Disemak: 6 Mac 2017

Diterbit: 1 Jun 2017

\*Corresponding Author:  
Najmiah Omar,  
Universiti Sultan Zainal  
Abidin, Terengganu,  
Malaysia  
Email:  
najmiah@unisza.edu.my

**Abstrak:** Kesenian lagu al-Quran atau ilmu tarannum merupakan salah satu warisan peradaban manusia yang mempunyai nilai yang tinggi. Kertas kerja ini mengkaji faktor-faktor kejayaan qari di negeri Terengganu antara tahun 1960 hingga 2013. Data dikumpulkan melalui kaedah temubual semi-struktur terhadap 11 orang qari dan dianalisis secara kualitatif. Hasil kajian mendapat tujuh faktor yang membawa kejayaan qari seperti pendedahan dari peringkat awal, mempunyai motivasi, bakat, suara dan minat untuk mempelajari tarannum, belajar dari guru yang pakar, mempunyai strategi belajar yang berkesan, mempelajari rentak tarannum daripada qari Mesir dan penguasaan suara serta penjagaan aspek *ikhtilal al-lahn*, *burdah* dan *wuslah*. Aspek dalaman qari dan aspek luaran iaitu persekitaran memainkan peranan penting dalam memberi kejayaan kepada qari-qari dari negeri Terengganu. Implikasi kajian ini boleh diterapkan sebagai faktor pendorong kepada generasi baru untuk turut melakar kejayaan dalam ilmu tarannum al-Quran.

**Kata kunci:** Tarannum; Peradaban Islam; Kesenian; Qari; Terengganu.

**Abstract:** Tarannum is one of the high value heritage of human civilization. This paper examines the success factors of the reciter (qari) in the state of Terengganu between 1960 and 2013. Data were collected through semi-structured interviews with 11 individuals and analyzed qualitatively. The study found that seven factors that bring success such as exposure from an early stage, motivation, talent, voice and interest to learn the tarannum, learn from the experts, have learning strategies effectively, learn rhythm tarannum of Egyptian qari and voice control and attention toward aspects of *ikhtilal al-lahn*, *burda* and *wuslah*. Qari internal aspects and the environmental aspect also plays an important role in the success of the reciter. The implications of this study is further discuss.

**Keyword:** Tarannum; Islamic civilization; arts; Qari; Terengganu.

## Pengenalan

Al-Quran merupakan *kalamullah* yang diturunkan kepada junjungan besar Nabi Muhammad SAW melalui perantaraan malaikat Jibril AS secara beransur-ansur dan disampaikan kepada umat secara mutawatir serta membacanya merupakan suatu ibadah. Al-Quran mempunyai kesenian yang unik dari sudut

bacaan yang memerlukan seseorang menguasai beberapa cabang ilmu demi memantapkan penguasaan bacaan tariil.

Sidi Gazalba (1977) di dalam buku beliau berjudul “*Pandangan Islam Tentang Kesenian*” menjelaskan perkaitan antara kesenian lagu al-Quran adalah sebahagian daripada kebudayaan yang dicetuskan oleh sesuatu kelompok manusia kerana setiap kelompok

masyarakat mempunyai fitrah semulajadi yang cinta kepada seni yang menyenangkan hati melalui pancaindera yang lima. Justeru itu, manusia dikatakan sebagai makhluk seni yang cinta kepada sesuatu yang selamat, memuaskan dan memberi kepuasan melalui pancaindera.

Kesenian Islam ialah satu gagasan dan usaha umat Islam bagi menghasilkan keindahan berlandaskan syariat seiring perkembangan tamadun. Seni dalam Islam ialah cetusan perasaan, pemikiran, tutur kata, ungkapan dan perbuatan yang menjurus kepada keindahan, kebenaran dan kesempurnaan. Seniman mukmin yang berjaya menghasilkan karya seni berjiwa agama akan sentiasa tepu dengan rasa keagungan terhadap Allah SWT. Sidi Gazalba menyatakan tiga asas utama kesenian Islam ialah aqidah, syariat dan akhlak.

Seni atau kesenian adalah manifestasi dari budaya manusia yang memenuhi syarat estetika. Inti dari seni adalah usaha untuk menciptakan bentuk-bentuk yang menyenangkan, baik dalam bidang seni sastera, seni muzik, seni tari, seni rupa maupun seni drama.

Menurut Osman Bakar, istilah estetika bukan sahaja untuk merujuk kepada dimensi keindahan dalam segala bentuk kewujudannya dan segala pengalaman manusia berkaitan dengannya tetapi juga untuk merujuk kepada cabang ilmu yang mengkaji tentang makna keindahan dan berbagai-bagai teori kesenian. Estetika juga merupakan teras falsafah seni. Dengan kata lain, estetika adalah salah satu cabang ilmu falsafah, khususnya falsafah seni.

Kesenian yang banyak dikembangkan oleh umat Islam antara lain adalah seni tilawah al-Quran, arsitektur suci, kaligrafi, seni muzik dan seni drama. Fitrah manusia memerlukan ketenangan. Kesenian Islam mempunyai ciri-ciri yang membawa ketenangan, keselamatan, halal hukumnya, mengandungi moral dan tertakluk kepada agama. Tarannum al-Quran adalah ilmu yang bertujuan menghasilkan bacaan yang berkualiti. Tarannum adalah salah satu bentuk kesenian Islam dalam aspek seni lagu bacaan al-Quran.

Kertas kerja ini memuatkan tujuh orang qari negeri Terengganu yang menjadi johan di peringkat negeri Terengganu dalam Majlis Tilawah al-Quran antara tahun 1960 hingga 2013. Terdapat tujuh faktor yang membawa kejayaan mereka dimuatkan dalam kertas kerja ini.

## Latar Belakang Qari

### Haji Muda @ Jusoh Bin Ismail

Haji Muda @ Jusoh bin Ismail dilahirkan pada tahun 1936 di Kampung Seberang Bukit Payung, Marang, Terengganu. Antara guru beliau ialah Haji Mat Lintar,

Haji Ahmad Matsom Pergau dan Haji Yusof Kedondong. Semasa belajar di peringkat sekolah menengah, Haji Muda mula mengenali Ustaz Haji Mat Lintar kerana beliau mengajar al-Quran dan tajwid di dalam kelas. Melihat kemahiran beliau dalam membaca al-Quran dan mempunyai potensi untuk membaca al-Quran berlagu, Haji Mat Lintar mengajak beliau ke Kelantan untuk mempelajari ilmu tarannum al-Quran dengan rakan-rakan seangkatan Haji Mat Lintar iaitu Haji Mat Som Pergau dan Haji Yusof Kedondong. Dari situ Haji Muda mengenali asas-asas tarannum dan berulang alik dari ke negeri Kelantan saban bulan dan tahun bermula dari tahun 1952 hingga 1957 (Muda @ Jusoh, 2015). Haji Muda telah menjadi johan di peringkat negeri Terengganu pad tahun 1961 dan 1967.

### Mohamad Yasin bin Embong

Mohamad Yasin bin Embong dilahirkan pada 10 September 1944 di Kg. Bukit Kandis, Kuala Terengganu. Mohamad Yasin memasuki pertandingan tilawah al-Quran semenjak dari sekolah rendah. Dari aspek pembelajaran ilmu tarannum, Mohd Yusuf berkecimpung dalam bidang tarannum sejak berusia dua belas tahun. Beliau berguru dengan ayahnya sendiri, Haji Abdullah dan Tuan Guru Haji Mat di Pasir Mas, Kelantan (Mohamad Yasin, 2015). Dari aspek kejayaan dalam bidang tilawah al-Quran, Mohd Yusuf adalah antara qari negara terawal mengharumkan nama negara. Pada tahun 1962 beliau telah dipilih mewakili negara dalam Pertandingan Membaca al-Quran peringkat antarabangsa kali kedua walaupun pada tahun itu beliau tidak menjadi johan di peringkat kebangsaan. Mohamad Yasin menjadi johan pada tahun 1966, 1975 dan 1977 dalam Majlis Tilawah al-Quran peringkat negeri Terengganu (Mohamad, 2008; Mohamad, 2008).

### Haji Daud Bin Mat Saman

Haji Daud bin Che Man dilahirkan pada 13 Januari 1946 di Bachok, Kelantan. Antara tokoh guru tarannum beliau yang terkenal ialah Haji Ahmad bin Mat Som, Haji Abdullah bin Abu, Dato' Sheikh Ismail bin Muhammad dari Terengganu dan Dato' Haji Hasan bin Azahari dari Selangor. Melalui bimbingan guru-guru tersebut, beliau memasuki Majlis Tilawah al-Quran peringkat negeri Terengganu dan meraih johan pada tahun 1970, 1971, 1972 dan 1980. Pencapaian Haji Daud yang terhebat ialah ketika memperoleh johan Majlis Tilawah al-Quran peringkat kebangsaan pada tahun 1990 dan pada tahun yang sama mendapat naib johan di peringkat antarabangsa (Daud, 2015).

### Haji Yusop bin Embong

Haji Yusop bin Embong dilahirkan pada 1 Ogos 1950

di Kg Masjid Hj. Kadir, Pasir Panjang, Terengganu. Haji Yusop mempelajari asas-asas tarannum dengan Che Ku Ali bin Che Ku Mahmud, di Chendering, Marang, Terengganu. Pada tahun 1980, Haji Yusop mempelajari tarannum al-Quran dengan Haji Ma'sum Pergau di Masjid Abidin, Masjid Wakaf Tembesu, dan di Surau Haji Mat Lintar Persatuan Qurra' Terengganu. Haji Yusop juga mempelajari ilmu tarannum dengan Ustaz Haji Nik Jaafar melalui Kursus Tahsin al-Quran di Jenagor, Kuala Berang selama sebulan. Haji Yusop juga mengikuti Kursus Tahsin al-Quran anjuran IQT selama sebulan di bawah pengajaran Ustaz Haji Nik Jaafar juga. Haji Yusop juga mengikuti Kursus Tahsin al-Quran bermula tahun 1980-an. Selain itu, Haji Yusop juga mengikuti pembelajaran tarannum sekejap-sekejap melalui Dato' Hajjah Rogayah binti Sulong di Masjid Bukit Payong. Haji Yusop juga bermuzakarah tarannum al-Quran dengan Hajjah Siah atau Embat (Yusop, 2015). Beliau pernah menjadi johan peringkat negeri Terengganu pada tahun 1993.

#### *Haji Ali @ Alias bin Abdul Rahman*

Haji Ali dilahirkan pada 28 Oktober 1947 di Tanah Lot, Dungun, Terengganu. Haji Ali mula-mula mempelajari ilmu tarannum dengan Ustaz Mustafa Haji Musa. Beliau menjadi johan dalam Majlis Tilawah al-Quran peringkat negeri Terengganu pada tahun 1985 dan 1996 (Ali @ Alias, 2015).

#### *Haji Mazlan bin Ibrahim*

Haji Mazlan bin Ibrahim dilahirkan pada 11 Julai 1972 di Kampung Kemal, Gaal, Pasir Putih, Kelantan. Haji Mazlan mempelajari ilmu tarannum daripada 9 orang guru. Haji Mazlan mula-mula mempelajari asas-asas tarannum dengan suami kepada ibu saudara, Ismail bin Muhammad. Guru kepada Ismail adalah Haji Ma'sum Pergau, Nik Jaafar, dan Hajjah Faridah. Selain itu, Haji Mazlan pernah belajar dengan Ismail Daud, Muhammad bin Awang Teh, Ustaz Muhammad Yusuf Kedondong, Ustaz Nik Jaafar, Haji Abdul Rahim, Ustaz Daud Che Man dan Ustaz Yahya Daud (Mazlan, 2015). Haji Mazlan pernah menjadi Johan di peringkat negeri Terengganu pada tahun 1999 dan 2000.

#### *Tarmizi bin Abdul Rahman*

Ahmad Tarmizi bin Abdul Rahman dilahirkan pada 18 April 1984 di Kampung Gong Kijang, Bukit Tunggal, Terengganu. Ahmad Tarmizi mula mempelajari tarannum dengan datuk saudaranya Allahyarham Muda bin Abdullah di Batu Rakit. Datuk saudaranya sering mengajak beliau ke majlis berzanji dan *maulidur rasul*. Dari situ beliau mendapat pendedahan tentang lagu-lagu tarannum. Bapa kepada Ahmad Tarmizi juga sering

membawanya ke masjid mempelajari tarannum selepas solat asar. Hasrat bapa Tarmizi ialah supaya beliau dapat menjadi seorang qari dan lancar membaca al-Quran (Ahmad Tarmizi, 2015). Pada tahun 2010, beliau menjadi johan peringkat negeri Terengganu dalam majlis tilawah al-Quran.

### **Analisis Faktor Kejayaan**

#### *Mempunyai Motivasi dan Bakat*

Motivasi dalam pengajian al-Quran merupakan perkara yang sangat penting bagi melahirkan qari yang berjaya. Ia akan menyemai minat yang mendalam terhadap pengajian tarannum serta dapat mengasah bakat yang sedia ada.

Jadual menunjukkan aspek dalaman yang mesti ada pada seseorang qari yang ingin memantapkan diri dalam bidang tarannum al-Quran. Antara perkara berikut ialah hobi, suara, minat, bakat, nafas yang panjang, kemahiran bahasa arab dan pengetahuan tentang *waqf* dan *ibtida'*.

| Qari                       | Motivasi dan Bakat  |
|----------------------------|---|
| Mohamad Yasin bin Embong   | Menjadikan tarannum sebagai hobi, mempunyai suara yang baik dan amat meminati pengajian tarannum.   |
| Yusop bin Embong           | Mempunyai suara, bakat dan nafas yang panjang. Cara untuk menjaga pernafasan ialah melakukan senaman seperti berlari, berjogging pada waktu pagi selama setengah jam sehari pada setiap pagi. Melakukan urutan pada bahagian perut untuk memanjangkan nafas.  |
| Ali@Alias bin Abdul Rahman | Sebagai satu galakan, Hj. Ali mencadangkan agar bekas qari johan negeri diberikan insentif bulanan sebagai memberi galakan kepada masyarakat agar qari tidak dikesampingkan.  |
| Mazlan bin Ibrahim         | Mempunyai minat dan bakat dari segi suara. Seseorang yang mempunyai minat, tetapi tidak mempunyai bakat, dia akan lambat menguasai kemahiran tarannum. Orang yang tidak mempunyai bakat membuatkan suara menjadi lebih keras dan memerlukan latihan yang berterusan. Bagi mengasah bakat seseorang qari perlu membaca al-Quran secara konsisten. Selain itu, sentiasa mendengar alunan bacaan al-Quran daripada qari-qari yang muktabar seperti Dr. Muhammad Nu'inah, Taha al-Fashni, |

|                          |  |
|--------------------------|--|
|                          | Mustafa Ismail dan Mustafa Ghalwash.   |
| Tarmizi bin Abdul Rahman | Mempunyai nafas yang panjang dan tidak semput. Selain itu, mempunyai kemahiran bahasa Arab untuk menjaga waqf dan ibtida' serta penghayatan makna. Selain itu, mempunyai <i>zuq</i> Arab untuk melahirkan lagu, lajah dan kekhusukan Arab. Contohnya, Nahawand untuk cerita atau rasa gembira, Rast untuk larangan dan bentuk tegas dan Soba untuk sedih dan doa. Begitu juga menguasai ilmu tajwid dengan baik. |

Jadual 1 Ringkasan temubual dengan para qari yang disebutkan di atas

#### *Belajar Dari Guru Yang Pakar*

Guru yang pakar dalam bidang tarannum mempunyai kemahiran untuk mendidik anak muridnya untuk menjadi qari yang cemerlang. Jadual berikut menunjukkan senarai guru bagi qari-qari negeri Terengganu.

| Qari                   | Senarai Guru   |
|------------------------|--|
| Muda bin Ismail        | Hj. Mat Lintar, Hj. Ahmad Ma'sum Pergau, Hj. Yusof Kedondong   |
| Mohd Yasin Embong      | Ayah Long Awang Nobat, Hj. Mat Lintar, Ramlah Salleh, Hj. Ahmad Ma'sum Pergau, Yusof bin Abdullah  |
| Daud Mat Saman         | Hj. Ahmad Ma'sum Pergau, Hj. Abdullah bin Abu, Sheikh Ismail bin Muhammad, Haji Hasan Azahari.   |
| Ali@Alias Abdul Rahman | Mustafa Haji Musa  |
| Yusop Embong           | Hj. Ahmad Ma'sum Pergau, Hajjah Rogayah binti Sulong   |
| Mazlan bin Ibrahim     | Ismail bin Muhammad, Ismail bin Daud, Muhammad bin Awang Teh, Muhammad Yusof Kedondong, Nik Jaafar Nik Ismail, Hj. Abdul Rahim, Ismail Muhammad al-Hafiz, Daud Che Man, Yahya Daud |
| Tarmizi Abdul Rahman   | Muda bin Abdullah, Yusop Embong, Mohamad Ismail, Hjh Siah, Daud Che Man, Mohd Nor Besar, Nik Jaafar Nik Ismail, Rashid Ali   |

Jadual 2 Senarai Guru Qari

Hasil daripada penilaian menunjukkan bahawa untuk memantapkan diri dalam bidang tarannum seseorang qari perlu mempelajari tarannum lebih

daripada seorang guru. Dari situ, seseorang qari dapat memantapkan kemahiran yang ada pada mereka.

#### *Mempunyai Strategi Belajar Yang Berkesan*

Tidak dinafikan bahawa, strategi belajar merupakan perkara utama dalam menentukan setiap kejayaan. Begitu juga dalam aspek ilmu tarannum yang memerlukan strategi ampuh dalam menjamin kejayaan. Jadual menunjukkan strategi belajar qari-qari berikut:

| Qari                   | Strategi Belajar   |
|------------------------|--|
| Mohamad Yasin          | Memperbanyak latihan, mengulangi bacaan dengan kerap, memperbaiki bacaan sehingga bacaan menjadi cantik dan sempurna.  |
| Daud Mat Saman         | Mesti mempunyai minat, kesungguhan dan menghormati guru.   |
| Yusop Embong           | Melalui rakaman kaset guru tarannum dan mengulangi pendengaran rakaman lagu tarannum yang dibaca oleh guru di rumah. Kerap mendengar suara qari Mesir. Selain itu, menguasai 10 lagu untuk bertarannum.  |
| Mazlan bin Ibrahim     | Tarannum perlu dipelajari secara konsisten dan berterusan. Ia adalah pembelajaran sepanjang hayat. Perlu dipelajari secara istiqamah dan belajar dengan penuh ketabahan. Selain itu, mempelajari dari guru yang ramai kerana memperolehi banyak pengalaman, kemahiran dan mengetahui teknik pergerakan irama tarannum. Setiap guru mempunyai kelainan yang tersendiri.   |
| Ali@Alias Abdul Rahman | Cari guru yang berpengalaman. Contohnya, ustaz Nik Jaafar dan Hj. Ahmad Ma'sum Pergau. Hj. Ahmad Ma'sum Pergau berada di Mesir selama 17 tahun. Selain itu, merakam suara guru yang mengajar, mengasah suara melalui latihan, menggunakan asas-asas latihan tertentu seperti berqasidah untuk warming up. Contohnya, غنی لی, lagu Hj. Ahmad Matsom Pergau. Begitu juga, dengung biar sampai ke tempatnya yang betul. |
| Tarmizi Abdul Rahman   | Talaqqi dan musyafahah, mendengar qari-qari membaca al-Quran sama ada dari cakera padat atau youtube. Selain itu, mengajar tarannum kerana dengan  |

|  |  |
|--|--|
|  | mengejar dapat memperolehi ilmu daripada peserta. Mengulang bacaan di rumah dan mesti mempunyai minat. |
|--|--|

**Jadual 3 Strategi Pembelajaran***Mempelajari Rentak Qari Mesir.*

Jadual di bawah menunjukkan qari-qari negeri Terengganu turut mendengar cara bacaan qari-qari Mesir yang terkenal dengan kepakaran mereka untuk memantapkan diri dalam bidang tarannum. Mereka juga menjadikan qari-qari Mesir tersebut sebagai guru, idola dan tempat rujukan dalam mempelajari irama dan lengkok kearaban. Irama tarannum tersebut adalah dalam bentuk irama Misri.

| Qari                 | Qari Mesir  |
|----------------------|---|
| Mazlan Ibrahim       | Syeikh Mustafa Ismail. Beliau adalah rakan seangkutan dengan Hj. Ahmad Matsom Pergau. Kedua-dua mereka adalah anak murid kepada Taha al-Fashni, seorang qari terkenal di Mesir. Suara Hj. Ahmad Matsom Pergau adalah mirip suara Syeikh Mustafa Ismail. |
| Yusop Embong         | Syeikh Mustafa Ismail, Syeikh Mahmud, Syeikh Taha, Dr. Nu'ina', dan Syeikh Abdul Basit.   |
| Tarmizi Abdul Rahman | Sheikh Mustafa Ismail, Mustafa Ghalwash, Dr Nu'ina', anak murid kepada Dr Nu'iana'qari Bangladesh bernama Sheikh Ahmad Yusof, dan Misyari.  |

**Jadual 4 Sumber Qari Mesir***Penguasaan Suara Yang Baik*

Suara adalah aset penting dalam mengalunkan irama tarannum. Seseorang yang mempunyai suara yang baik merupakan satu bonus untuk mengalunkan irama tarannum. Suara boleh dibentuk dan dilatih. Qari yang mempunyai suara yang baik akan mempelajari ilmu tarannum dengan cepat. Manakala qari yang mempunyai suara yang kurang baik, akan memakan masa yang lebih lama untuk membentuk suara menjadi cantik.

| Qari            | Persepsi Tentang Suara  |
|-----------------|---|
| Muda bin Ismail | Menjadi hakim suara adalah suatu yang sukar dan memerlukan penelitian dari aspek kelancaran suara, mahattah dan segala yang |

|                        |  |
|------------------------|--|
|                        | berkaitan dengan suara.  |
| Ali@Alias Abdul Rahman | Penyebutan huruf nun mesti sampai ke khaisyum. Bunyi suara ketika mengaji mesti sampai ke hidung. Antara latihan untuk melunakkan suara ialah mengeluarkan bunyi 'mmmm'. Antara tujuan untuk mengelokkan suara ketika mengaji. |

|                  |   |
|------------------|---|
| Yusop bin Embong | Suara yang mudah untuk seseorang mempelajari tarannum ialah suara yang lembut dan tidak keras, suara yang merdu, suara yang tajam, dan suara semulajadi. Suara yang baik terbahagi kepada dua bahagian iaitu suara yang asli dan suara yang sina'i. Manakala suara yang asli adalah suara yang terbaik. Suara perlu dijaga kerana ia sangat manja. Oleh itu, seseorang perlu menjaga kesihatan seperti menjaga tidur yang cukup dan banyak meminum air masak. |
|------------------|---|

|                    |   |
|--------------------|---|
| Mazlan bin Ibrahim | Suara perlu sentiasa diasah sehingga mencapai tahap suara masak agar suara tidak menjadi serak. Suara boleh dikawal dan memerlukan latihan suara. Suara masak ialah suara elok dan tidak berubah yang dimiliki oleh seseorang qari. Untuk mencapai suara masak, qari perlu berlatih mengaji al-Quran secara konsisten dan berterusan. Pada peringkat permulaan, bagi seseorang mutbadi' yang baru belajar mengajial-Quran dalam beberapa minit contohnya 10 minit, suara akan menjadi serak. Dia perlu berlatih sehingga mencapai 20 minit sebelum suara menjadi serak. Lamakelamaan, jika dia berlatih secara konsisten, suara tidak akan menjadi serak lagi, walaupun dia mengaji dalam tempoh yang lama. Sehingga dia mencapai sesuatu tahap, walaupun dia mengalami selsema atau batuk, suara dia tidak akan berubah kerana qari tersebut telah mencapai tahap suara masak. Selain itu, suara gantung adalah tahap suara bukan asal. Setiap individu mempunyai suara asal masing- |
|--------------------|---|

|                      |   |
|----------------------|---|
|                      | masing. Suara asal ialah suara yang mempunyai gema ke arah khaisyum iaitu 40% peratus suara bawah dan 60% peratus suara khaisyum. |
| Tarmizi Abdul Rahman | Suara yang baik adalah suara yang tidak bergetar dan ada tabaqat qarar, nawa dan jawab.   |

Jadual 5 Ringkasan Penguasaan Suara

### Menjaga Aspek Ikhtilal al-Lahn, Wuslah dan Burdah

Aspek *ikhtilal al-lahn, wuslah* dan *burdah* adalah antara aspek yang membawa keistimewaan dalam bacaan bertarannum dan dapat mengindahkan lagi bacaan. Bagi orang yang baru mengenal ilmu tarannum, mungkin ini adalah antara aspek yang sukar hendak diperaktikkan dan ia memerlukan masa yang lama untuk menjadi mahir. Justeru itu, penguasaan terhadap peranan lagu memainkan peranan untuk melaksanakan ketiga-tiga aspek tersebut. Jadual menunjukkan persepsi qari terhadap aspek-aspek tersebut.

| Qari           | Persepsi tentang <i>ikhtilal al-lahn, wuslah</i> dan <i>burdah</i>   |
|----------------|--|
| Mazlan Ibrahim | <i>Ikhtilal al-lahn</i> - sesuai dialunkan pada nada sedih, ayat-ayat berkaitan doa dan lagu-lagu tertentu. Contohnya, lagu Sikah dicampur dengan <i>ikhtilal al-lahn</i> supaya irama menjadi lebih menarik.<br><i>Wuslah</i> - <i>Wuslah</i> terbahagi kepada dua aspek iaitu wuslah biasa dan wuslah mumathalah. Wuslah biasa ialah dalam satu harakah berlaku perubahan pada lagu dalam satu nafas. Contohnya, lagu Rasy ditukar kepada Sikah pada separuh harakah yang akhir. Wuslah mumathalah ialah dalam satu harakah wuslah di tengah-tengah lagu dan kembali kepada lagu asal pada akhir harakah. Contohnya, Jiharkah-Soba-Jiharkah. |
| Ismail Embong  | Burdah - Burdah umpama bunga hiasan dalam rumah. Kalau semua tempat ada bunga, rumah tidak begitu menarik. Kalau burdah diletakkan di tempatnya yang bersesuaian akan menjadi menarik dan bukan semua tempat mesti ada bunga.  |

Jadual 6 Persepsi tentang ikhtilal al-lahn, wuslah dan burdah

### Mengajar Tarannum

Melalui pengajaran, seseorang qari boleh mempertingkat kemahiran dan kepakaran mereka. Ini kerana mereka sentiasa boleh berlatih dan memperkemas kelemahan yang ada. Jadual menunjukkan pengajaran tarannum di kalangan qari.

| Qari                    | Anak Murid  |
|-------------------------|---|
| Muda @ Jusoh bin Ismail | Mat Isa, Hajjah Aminah Omar, Hajjah Sepiah Muhammad.  |
| Daud Mat Saman          | Hajjah Sepiah Muhammad, Hajjah Masnah Awang, Muhammad Hafas Ali, Termizi Ali, Mohamad Kamarul Zaman bin Daud, Mustafa Kamal bin Daud. |
| Mohamad bin Ismail      | Fakhru Razi, Che Ku Fadhil Che Ku Salleh, Hajjah Siah@ Embat  |
| Mazlan Ibrahim          | Che Muhammad bin Che Awang, Ayub bin Deraman, Norhidayah binti Abdul Rahman   |

Jadual 7 Senarai Pelajar

### Kesimpulan

Terdapat tujuh faktor utama yang menjadi tunjang kepada kejayaan qari negeri Terengganu sehingga menjadi johan dalam Majlis Tilawah al-Quran peringkat negeri. Kesemua faktor ini secara asasnya merentas generasi dan malar segar dari tahun ke tahun. Kejayaan qari bermula dari peringkat asas iaitu perlu mempunyai minat yang mendalam serta motivasi yang tinggi dalam pengajian ilmu tarannum. Selain itu, guru memainkan peranan penting dalam menjamin keberkesanannya dan kualiti seseorang qari. Guru yang berkualiti turut melahirkan anak murid yang berkualiti. Selain itu, kesungguhan guru juga menyampaikan pengajaran tarannum di masjid dan di rumah akan menggalakkan penambahan bilangan anak murid serta dapat mengasah bakat-bakat baru untuk kelangsungan ilmu tarannum. Ini kerana pembelajaran berterusan dan konsisten adalah antara faktor yang boleh menambah kemahiran seseorang qari. Qari yang berjaya mempunyai strategi belajar yang tersusun dan berkesan untuk dirinya serta cuba belajar rentak qari Mesir yang mempunyai kekuatan alunan lagu al-Quran. Aspek suara dan menjaga aspek-aspek tambahan merupakan bonus kepada kejayaan qari. Implikasi kajian ini membuka ruang untuk perangkaan

modul bagi pengajian tarannum di pelbagai peringkat. Penekanan kepada aspek istimewa kejayaan qari akan melahirkan generasi pelapis al-Quran yang cemerlang.

## Rujukan

- Ahmad Tarmizi bin Abdul Rahman. 2015. Faktor Kejayaan Qari Terengganu dalam Kesenian Lagu Al-Quran. Temu bual, 16 September.
- Ali@Alias bin Abdul Rahman. 2015. Faktor Kejayaan Qari Terengganu dalam Kesenian Lagu Al-Quran. Temu bual. 14 Ogos.
- Daud bin Che Man. 2015. Faktor Kejayaan Qari Terengganu dalam Kesenian Lagu Al-Quran. Temu bual. 16 Mac.
- Mohamad bin Ismail. 2015. Faktor Kejayaan Qari Terengganu dalam Kesenian Lagu Al-Quran. Temu bual. 9 April.
- Mohamad bin Saari. 2008. 50 Tahun Tilawah al-Quran Malaysia, Kuala-Lumpur.
- Mohamad bin Saari. 2008. Johan Qari dan Qariah Majlis Tilawah al-Quran Antarabangsa Malaysia 1380H/1961-1428H/2007M, Kuala-Lumpur.
- Mohamad Yasin bin Embong. 2015. Faktor Kejayaan Qari Terengganu dalam Kesenian Lagu Al-Quran. Temu bual. 20 September.
- Muda @ Jusoh bin Ismail. 2015. Faktor Kejayaan Qari Terengganu dalam Kesenian Lagu Al-Quran. Temu bual. 2 Mac.
- Sidi Gazalba. 1977. *Pandangan Islam Tentang Kesenian*. Jakarta: Pustaka Antara
- Yusop bin Embong. 2015. Faktor Kejayaan Qari Terengganu dalam Kesenian Lagu Al-Quran. Temu bual. 17 Ogos.